

# Ekuinas sokong usahawan berkaliber seperti Dr. Jamal

EKUITI Nasional Berhad (Ekuinas) mengambil serius tanggungjawabnya dalam usaha memastikan objektif sosial seperti yang dimandatkan oleh Kerajaan tercapai. Salah satu daripada matlamat objektif sosialnya adalah meningkatkan bilangan usahawan dan pengurusan profesional Bumiputera yang berjaya dan Dr. Jamal Yusof (gambar) merupakan salah seorang usahawan yang telah dikenal pasti untuk disokong oleh Ekuinas.

Kerjaya sebagai seorang doktor gigi, biarpun berjaya memiliki klinik sendiri ternyata masih belum cukup mencabar dirinya. Dr. Jamal hanya bertugas selama 10 tahun sahaja sejak tahun 2001 selepas membuka Klinik Pergigian Dr. Lee, Jamal dan Rakan-Rakan di Subang Jaya, Selangor.

Dr. Jamal kemudiannya menyertai pula Sisma Enterprise Sdn. Bhd. (SESB) untuk meneroka bidang baharu tetapi apa yang dicari belum ditemui sehinggalah beliau melibatkan diri dalam bidang minyak dan gas.

Biarpun asalnya memiliki kemahiran yang berbeza sekali tetapi Dr. Jamal membuktikan beliau mempunyai pengalaman cukup luas dalam bidang yang diceburi setelah menubuhkan SESB dengan pegangan ekuiti 25 peratus dan dilantik sebagai Pengarah Urusan apabila meninggalkan bidang perubatan pergigian.

SESB bergiat dalam menyediakan perkhidmatan kapal untuk industri minyak dan gas selain kontraktor elektrik dan kontraktor untuk peralatan makmal saintifik.

Tidak lama selepas itu, Dr. Jamal mengasaskan pula syarikatnya sendiri bersama-sama seorang rakan niaga, Razali Mohd Yusof, iaitu Omni Group of Companies termasuk Omni Ventures, Omni Marine, Omni Power dan Omni Technologies. Dengan kegigihannya, Dr. Jamal berjaya meletakkan nama syarikat sebaris pemain industri minyak dan gas lain sehingga syarikat memiliki 32 buah kapal sokongan luar pesisir (OSV).

Setelah wawasan untuk mengembangkan lagi operasi perniagaan syarikat dibatasi oleh keperluan modal yang besar, Dr. Jamal telah memilih untuk menarik pelabur dari firma ekuiti persendirian (*private equity*) tempatan. Dengan rakan niaga baharu, bukan sahaja modal disuntik tetapi kepakaran perniagaan turut diterap sama, syarikat Omni terus mencatat kejayaan demi kejayaan di dalam sektor minyak dan gas yang penuh dengan persaingan.

"Saya ingin para usahawan Bumiputera tahu bahawa pelaburan ekuiti persendirian juga merupakan salah satu cara di mana kita boleh mengembangkan perniagaan syarikat kita. Lazimnya, orang kita akan memohon untuk mendapatkan geran,

pinjaman dan instrumen pembiayaan yang lain apabila memikirkan tentang perkembangan bisnes. Pada saya, ekuiti persendirian adalah pembiayaan alternatif yang mempunyai kelebihan tersendiri. Ini kerana kita bukan sahaja mendapat suntikan modal, kita juga mendapat rakan niaga yang sama-sama akan membantu kita untuk meningkatkan nilai syarikat dan membawa syarikat ke peringkat lebih tinggi."

Selepas pengalaman pertama dengan pelaburan ekuiti persendirian, saya sekali lagi mengalu-alukan pelaburan ekuiti persendirian apabila perniagaan syarikat semakin berkembang dan kami memerlukan lebih banyak modal. Di saat itu, Ekuinas

**ICON OFFSHORE**  
**B E R H A D**



“Pasar OSV merupakan industri yang berdaya saing tinggi dan penggabungan syarikat-syarikat Bumiputera dan Malaysia seperti Icon Offshore membolehkan kita bersaing bukan sahaja dalam peringkat serantau tetapi juga di arena antarabangsa.

## **DR. JAMAL**

Ketua Pegawai Eksekutif Icon Offshore Berhad (Icon Offshore)

tiba dengan cadangan untuk mewujudkan kumpulan OSV milik Bumiputera antara yang terbesar dalam negara. Ekuinas yang pada masa itu sudahpun memiliki syarikat OSV, Tanjung Kapal Services Sdn. Bhd., membuat pelaburan di dalam syarikat Omni dan menjadi pemegang saham majoriti. Saya mengekalkan 13.5 peratus ekuiti dan seterusnya ditawarkan menjadi CEO bagi syarikat baharu yang menggabungkan kedua-dua syarikat, iaitu Icon Offshore Berhad.

Saya tahu ramai usahawan yang takut mendapatkan pelaburan ekuiti kerana tidak mahu pegangan ekuitinya berkurangan tetapi pada saya, apa salahnya memegang ekuiti yang rendah tetapi di dalam syarikat yang lebih besar dan berjaya. Ini kerana nilai ekuiti itu lebih tinggi berbanding dengan ekuiti tinggi tetapi di dalam syarikat yang kecil.

Menurut beliau, sebagai CEO Icon Offshore, kini beliau bertanggungjawab ke atas seluruh aspek aktiviti operasi perniagaan.

Katanya, pihaknya sentiasa mengekalkan model kapal sokongan luar pesisir atau OSV dan menukarnya pada tempoh bertepatan untuk memastikan para pelanggan mendapat kepelbagaian kapal, seiring dengan perubahan operasi semasa.

Dr. Jamal optimis pasaran bagi OSV akan berkembang dan menyasarkan untuk menambah bilangan kapal miliknya bagi memenuhi permintaan pasaran.

"Pasaran OSV merupakan industri yang berdaya saing tinggi dan penggabungan syarikat-syarikat Bumiputera dan Malaysia seperti Icon Offshore membolehkan kita bersaing bukan sahaja dalam peringkat serantau tetapi juga di arena antarabangsa.

"Penggabungan ini telah mewujudkan skala operasi dan sumber yang diperlukan untuk lebih bersaing dengan berkesan dan agresif dalam aktiviti domestik dan serantau," ujarnya.

Beliau berkata, pihaknya merancang untuk menyenaraikan syarikat itu tetapi perlu mengembangkan syarikat terlebih dahulu untuk memaksimumkan nilai.

"Dengan pembentukan nilai yang dirancang oleh Ekuinas, saya yakin Icon Offshore akan menjadi peneraju syarikat OSV yang kompetitif dan menguntungkan, di dalam negara dan serantau selepas disenaraikan," kata beliau.

Dr. Jamal berkata, sebagai syarikat pelaburan Ekuinas, Icon Offshore semakin mempunyai tumpuan untuk memacu, membina dan meningkatkan kualiti perkhidmatan serta memperbaiki standard untuk memenuhi jangkaan para pelanggan baharu dan sedia ada dalam industri ini.